

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG AKTA DADAH BERBAHAYA
(PINDAAN) 1986 (BACAAN KALI YANG KEDUA)

TEMPAT: DEWAN RAKYAT

TARIKH: 04 DEC 1986

MASA:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya, 1952, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejajar dengan hasrat untuk memerangi dan membasmi ancaman serta masalah dadah, Kerajaan dengan sokongan rakyat telah mengambil berbagai langkah semenjak beberapa tahun kebelakangan ini untuk memperbaiki dan memperkukuhkan usaha-usahnya dalam bidang pencegahan, penguat-kuasaan dan pemulihan. Salah satu langkah utama yang telah diambil ialah menyemak dan meminda Akta Dadah Berbahaya, 1952 untuk mewujudkan penalti yang lebih berat bagi kesalahan-kesalahan dadah.

2. Langkah-langkah ini telah membolehkan Kerajaan bertindak dengan lebih tegas dan berkesan terhadap ancaman dadah yang dihadapi oleh negara, sehingga Malaysia terkenal dan disanjung sebagai salah satu negara yang sanggup memerangi ancaman dadah dengan penuh keazaman dan tenaga yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Namun demikian, pengedaran dadah di negara ini didapati masih dalam tahap yang merbahaya. Ini dapat dilihat, misalnya, daripada jumlah penagih dadah yang dilaporkan atau dikesan. Bagi jangkamasa 1970 hingga Oktober 1986 jumlah kumulatif penagih dadah yang dikesan buat pertama kalinya ialah 119,713 dan jumlah penagih baru yang dikesan bagi tahun ini sahaja iaitu hingga bulan Oktober ialah 5,897.

4. Di samping itu, adalah diperhatikan bahawa semenjak Akta Dadah Berbahaya, 1952 dipinda dalam tahun 1983 dan 1984 untuk mewujudkan penalti yang lebih berat bagi kesalahan memiliki 5 gram atau lebih heroin atau morfin, atau 250 gram atau lebih candu mentah dan candu masak, pengedar-pengedar dadah telah mengubah corak pergerakan mereka. Ramai daripada mereka yang ditangkap sekarang didapati memiliki dadah kurang daripada jumlah yang ditetapkan itu untuk mengelak daripada hukuman yang terdapat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan ganja atau kanabis telah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Begitu juga dengan masalah pemilikan daun koka dan kokain. Penagihan berasaskan kokain sedang meningkat di dunia barat dan mungkin akan merebak ke rantau ini jika langkah-langkah pencegahan awal tidak diambil.

6. Memandangkan kenyataan dan perkembangan-perkembangan yang saya telah huraikan itu, adalah didapati peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta Dadah Berbahaya, 1952 perlu dipinda untuk mengenakan penalti yang lebih berat lagi bagi kesalahan-kesalahan tertentu sebagai satu usaha pencegahan atau 'deterrent'. Di samping itu pindaan juga perlu untuk mengubah-suaikan peruntukan-peruntukan berkenaan dengan perkembangan-perkembangan baru dalam pengedaran dadah, dan menyelaraskan penalti-penalti yang ditetapkan bagi kesalahan-kesalahan yang sama serius.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Penalti yang lebih berat yang dicadangkan sebagai 'deterrent' yang lebih berkesan dalam Rang Undang-Undang berkenaan melibatkan pengwujudan atau penambahan hukuman sebat mandatori, hukuman penjara atau hukuman denda. Walau bagaimanapun, penekanan adalah diberi kepada hukuman sebat sebagai alat 'deterrent' yang nyata lebih berkesan. Penalti penjara dan denda dicadang untuk ditingkatkan cuma bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan jenis dadah-dadah yang tertentu di mana penalti sekarang didapati terlalu ringan dan tidak seragam dengan penalti-penalti yang diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan lain yang sama serius.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa hukuman sebat adalah ditujukan kepada pengedar-pengedar yang kesalahan mereka tidak mendedahkan mereka kepada hukuman mati yang mandatori. Hukuman sebat ini bukanlah untuk kesalahan menjadi penagih. Kerajaan berharap dengan adanya tindakan tegas terhadap pengedar-pengedar ini, masalah penagihan juga, insya-Allah, dapat dibendung. Bagi penagih-penagih pula, sudah ada undang-undang untuk menghukum mereka dengan cara menahan mereka di tempat-tempat pemulihan. Di samping itu, semasa mereka berada di pusat-pusat tersebut, mereka dikehendaki menjalani rawatan dan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Apabila pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini diterima dan diluluskan, maka akan wujudlah satu sistem penalti yang terselaraskan bagi kesalahan pemilikan dan pengedaran berbagai jenis dadah berasaskan 'toxicity'. Sistem penalti ini adalah seperti berikut:

- i. Pertama, penjara maksima 5 tahun atau denda maksima

\$20,000, atau kedua-duanya bagi pemilik-pemilik dadah dalam amaun yang kecil. Amaun ini berbeza bagi berbagai dadah mengikut 'toxicity', seperti berikut: kurang daripada 2 gram heroin, morfin, atau 'monoacetylmorphines'; kurang daripada 5 gram kokain; kurang daripada 20 gram kanabis atau resin kanabis; kurang daripada 100 gram candu mentah atau candu masak; dan kurang daripada 250 gram daun koka. Penalti penjara bagi kesalahan ini sedia wujud dalam akta sekarang dan tidak berubah. Penalti denda juga sedia wujud sama ada denda maksima \$10,000 atau \$20,000. Tetapi sekarang dicadang untuk diseragamkan menjadi maksima \$20,000 berasaskan 'toxicity'.

ii. Keduanya, penjara di antara 2 hingga 5 tahun dan hukuman sebat 3 hingga 9 kali bagi pemilik-pemilik dadah yang dianggap pengedar kecil-kecilan, yang memiliki antara 2 hingga 5 gram heroin, morfin, atau 'monoacetylmorphines'; 5 hingga 15 gram kokain; 20 hingga 50 gram kanabis atau resin kanabis; 100 hingga 250 gram candu mentah atau candu masak; dan 250 hingga 750 gram daun koka. Mengikut undang-undang yang ada sekarang, penalti bagi pengedar kecil-kecilan ini adalah sama seperti bagi pemilik-pemilik dadah yang disebutkan di kategori satu tadi. Memandangkan pengedar-pengedar kecil-kecilan inilah yang memperalatkan penagih dan lain-lain orang untuk memperkenalkan dadah kepada mangsa yang baru, maka penalti yang lebih berat adalah difikirkan perlu bagi mereka.

iii. Ketiga, penjara 5 tahun hingga seumur hidup dan sebat tidak kurang daripada 10 kali bagi pengedaran dadah dalam amaun yang masih tidak terlalu banyak, iaitu 5 hingga 15 gram heroin, morfin, atau 'monoacetylmorphines'; 15 hingga 40 gram kokain; 50 hingga 200 gram kanabis atau resin kanabis; 250 hingga 1000 gram candu mentah atau candu masak; dan 750 hingga 2000 gram daun koka. Undang-undang sekarang memperuntukkan penalti penjara yang sama dan hukuman sebat tidak kurang daripada 6 kali.

iv. Keempat, hukuman mati bagi mereka yang memiliki dadah dalam amaun yang membawa anggapan pengedaran atau 'trafficking' iaitu 15 gram atau lebih heroin, morfin, atau 'monoacetylmorphines'; 40 gram atau lebih kokain; 200 gram atau lebih kanabis atau resin kanabis; 1000 gram atau lebih candu mentah atau candu masak; dan 2000 gram atau lebih daun koka. Perlulah saya sebutkan di sini bahawa hukuman mati ini sedia wujud bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan dadah jenis heroin, morfin, 'monoacetylmorphines', kanabis, resin kanabis, candu mentah dan candu masak dalam undang-undang sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Dengan ringkasnya demikianlah sistem penalti yang akan wujud dengan adanya pindaan-pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya, 1952 yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang

ini. Selain daripada pindaan kepada sistem penalti yang saya sebutkan tadi, terdapat satu sahaja pindaan kecil, iaitu terhadap takrif 'crude cocaine'. Takrif 'crude cocaine' yang terdapat di Seksyen 2 Akta sekarang akan digugurkan kerana istilah tersebut tidak digunakan dalam mana-mana peruntukan lain dalam Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Akta Dadah Berbahaya, 1952 merupakan salah satu alat yang penting dalam strategi Kerajaan untuk membasmi ancaman dadah, dan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepadanya dalam Rang Undang-Undang ini akan menjadikannya lebih berkesan lagi. Dengan itu, saya mohon Rang Undang-Undang tersebut disokong dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Saya mohon mencadangkan.